KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

lokal

Harimau kumbang masuk perangkap

Batu Kikir: Kebimbangan penduduk di Kampung Bayai Baru dekat sini, mengenai kehadiran seekor harimau kumbang akhirnya terjawab apabila haiwan seberat 40 kilogram (kg) itu tertangkap di dalam perangkap yang dipasang, 30 Oktober lalu.

Harimau kumbang betina itu disedari terperangkap oleh penduduk kampung kira-kira jam 6 pagi sebelum menghubungi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, Nurul Ermi Ramli berkata, pihaknya menerima aduan kehadiran harimau kumbang berkenaan pada 28 Oktober lalu sebelum mengarahkan pegawainya memasang perangkap pada hari sama.

Dengan tertangkapnya haiwan berkenaan ia memberi kelegaan kepada penduduk"

Nurul Ermi Ramli

"Penduduk mendakwa ada kesan tapak kaki haiwan berkenaan selain terdapat ternakan yang mempunyai kesan gigitan harimau kumbang. Bertindak atas aduan kami memasang perangkap di lokasi yang dikenal pasti.

"Pada pagi 30 Oktober lalu penduduk menghubungi Perhilitan memaklumkan seekor harimau kumbang betina berjaya ditangkap sebelum kami bergegas ke lokasi dan mendapati seekor harimau kumbang betina dengan berat kira-kira 40 kg berjaya ditangkap.

"Dengan tertangkapnya haiwan berkenaan ia memberi kelegaan kepada penduduk. Pihak kami turut mengucapkan terima kasih kepada penduduk yang memberikan kerjasama," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, harimau kumbang itu dipindahkan sementara ke Pejabat Perhilitan Daerah Jempol, di Bandar Seri Jempol untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut oleh pegawai veterinar.

"Kakitangan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) Sungkai, Perak juga melakukan pemeriksaan terhadap haiwan liar berkenaan sebelum ia dipindahkan dan dilepaskan ke habitat yang sesuai," katanya.



HARIMAU kumbang yang ditangkap selepas masuk ke dalam perangkap dipasang Jabatan Perhilitan di Kampung Bayai Baru.